

# Gagasan Satu Malaysia perlu formula BM = 2T

RUPA-RUPANYA setelah 52 tahun merdeka, Malaysia masih belum benar-benar berjaya menyatukan rakyatnya yang pelbagai kaum. Ia menyebabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak terpaksa memperkenalkan gagasan Satu Malaysia.

Berbeza dengan *Malaysian Malaysia* yang cuba ‘diperjuangkan’ oleh pembangkang, konsep Satu Malaysia bermatlamatkan perpaduan nasional dan bukannya ruang cauvinis membuat tuntutan bukan-bukan.

Jika selama ini perpaduan hanya berdasarkan konsep toleransi, kini ia dilihat perlu ditingkatkan kepada konsep penerimaan. Maksudnya, rakyat harus menerima hakikat sejarah dan sosiobudaya yang menjadi latar kepada konsep negara bangsa Malaysia.

Namun persoalan paling asas bagi penghayatan konsep penerimaan ini ialah sejauh manakah ketelusan dan ketulusan (2T) semua kaum?

Sejauh manakah orang Melayu dapat menerima orang Cina, orang India dan suku pribumi di Semenanjung dan Sabah serta Sarawak, sebagai sebahagian daripada rakyat Malaysia? Sejauh manakah pula kaum dan etnik lain itu mengiktiraf orang Melayu sebagai penduduk asal negara ini?

Persoalan-persoalan itu hanya dapat dija-

wab dengan telus dan tulus jika semua rakyat bertutur dalam bahasa yang sama.

Walaupun termaktub dalam Perlembagaan Malaysia bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, oleh itu ia menjadi bahasa penyatu. Tetapi kebanyakan rakyat malah kalangan pemimpin negara sendiri masih tidak menghayatinya.

Masing-masing leka dengan status quo dan bersikap prejidis terhadap kaum lain. Masih ada kepercayaan dalam hati bahawa kelainan akan menimbulkan persaingan “hidup-mati”. Justeru, apa yang masih ada perlu dipertahankan. Kelainan gagal menimbulkan minat untuk perkongsian, sebaliknya menebalkan lagi bibit-bibit perkauman.

Justeru, faktor Formula BM = 2T iaitu Bahasa Malaysia = Telus dan Tulus, perlu dijadikan akar gagasan Satu Malaysia jika mahu mencapai matlamat perpaduan tulen.

Formula ini hanya boleh diuji apabila semua kaum bercakap dalam satu bahasa.

Secara psikologi, jika dua pihak (A dan B) berbual dalam satu bahasa, tiba-tiba pihak ketiga menyampuk dengan bahasa lain yang hanya difahami sama ada oleh A atau B sahaja, maka pasti ada yang terasa. Perasaan kurang senang itu akan menimbulkan prejidis dan boleh membawa kepada kereng-

gangan dalam hubungan sesama rakyat.

Begitulah analogi bagi fungsi bahasa sebagai alat komunikasi bagi mencapai perpaduan. Bagaimana mungkin pelbagai kaum boleh disatukan jika masing-masing masih dibenarkan bercakap dalam bahasa yang saling tidak difahami.

Hal ini menyebabkan jurang komunikasi yang membawa kepada kegagalan untuk rakyat menjadi lebih rapat dan bersatu. Bagaimana boleh diukur kefahaman seseorang jika ciri bahasa tidak dikongsi bersama?

Kontrak sosial negara menyarankan bahasa yang difahami oleh semua dijadikan sebagai bahasa kebangsaan.

Terbukti ia adalah bahasa Melayu. Mangangnya, tidak semua dapat menerima walaupun konon berpegang teguh kepada konsep toleransi dan demokrasi.

Dalam kalangan orang Melayu sendiri termasuk para pemimpin, masih ada yang tidak yakin dengan martabat yang disepakati bersama itu. Justeru, “Apalah diharap padi seberang.”

Slogan “Bahasa menunjukkan bangsa” perlulah dihayati dengan setulus-tulusnya. Konsep ‘bangsa’ pula perlu dilihat secara menyeluruh. Bangsa Malaysia bukannya terhad kepada kaum Melayu sahaja. Ia terdiri da-

ripada kaum Melayu, Cina, India serta pribumi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Jangan lupa kaum-kaum minoriti lain. Ke-pelbagaiannya kaum akan memperlihatkan variasi bahasa yang rencam.

Malaysia sepaututnya cemburu dengan kejayaan Indonesia menggunakan bahasa Indonesia untuk menyatukan ribuan etnik di negara kepulauan itu.

Jika selama ini semua kaum di Malaysia bertoleransi dalam pelbagai perkara, sudah tiba masanya untuk kita menghayati konsep ‘penerimaan’.

Kita perlu faham bahawa toleransi me/ngandungi dua semangat iaitu memberi dan menerima. Tidak selamanya sesuatu kaum itu boleh memberi sahaja dan juga tidak selamanya sesuatu kaum itu boleh menerima sahaja.

Sejak 2007, bahasa Melayu diubah menjadi bahasa Malaysia. Pengorbanan ‘mematikan’ bahasa Melayu supaya ia tidak dilihat milik Melayu sahaja, harus dihargai oleh semua kaum demi mencapai hasrat Satu Malaysia.

Jadi, gunakanlah bahasa Malaysia supaya kita semua telus dan tulus.

**DR. SHARIFUDIN LUBIS**  
Universiti Putra Malaysia